

# Tiga bayi diikat mulut, badan disyaki kena dera

UNIT D...  
20 JAN 2017  
U.R.D  
M.B.P.J.

BH  
20/1/17  
mls15

➔ Kejadian dipercayai berlaku di sebuah taska di Bandar Baru Bangi undang kecamatan netizen

Oleh Nur Afiradina Arshad  
bhnews@bh.com.my

## Kajang

Sekeping gambar memaparkan tiga bayi diikat pada mulut dan badan masing-masing, didakwa menjadi mangsa deraan ketika dalam jagaan sebuah taska dekat Seksyen 15 Bandar Baru Bangi di sini, viral di media sosial, semalam.

Gambar berkenaan menjadi viral dan mengundang kecaman netizen, selepas dimuat naik ke akaun Facebook menggunakan nama Ayahanda Abdul Rani Kulup dan setakat jam 7 malam tadi, ia sudah dikongsi hampir 600 pengguna media sosial terbabit.

Perbuatan terbabit dikatakan di-

lakukan dua pembantu pusat berkenaan, menggunakan 'kaedah' mengikat mulut, tangan serta kaki bayi, kononnya untuk mendiamkan dan mengelak orang luar mendengar mereka menangis.

Pihak yang mendedahkan gambar itu, mendakwa ada kira-kira 40 bayi dan kanak-kanak berusia antara enam bulan sehingga enam tahun dihantar ibu bapa ke taska berkenaan.

Namun hanya lapan bayi berusia setahun ke bawah yang mulut, tangan dan kaki mereka diikat dengan kain lampin.

Perbuatan itu dikatakan dibuat dalam pengetahuan dan arahan oleh pemilik pusat berkenaan, kononnya menggunakan teknik bedung dan mengelak tangisan bayi didengari orang luar.

Bayi-bayi berkenaan juga didak-

wa diletakkan dalam sebuah bilik di tingkat bawah taska berkenaan, yang sentiasa berkunci dan hanya pekerja tertentu dibenarkan masuk.

## Laporan polis dibuat

Susulan kejadian itu, satu laporan dibuat kepada polis dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Superintendan Othman Nanyan, mengesahkan pihaknya sudah menerima laporan polis berhubung kes terbabit semalam, dan siasatan mengenai kesahihan gambar yang tersebar sedang dijalankan.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001 kerana mendera kanak-kanak," katanya.



Gambar tiga bayi yang diikat mulut dan badan yang menjadi kecaman netizen.